

Rakyat diajak berdoa negara bebas pandemik

Dari Muka /

Justeru, beliau mengajak rakyat mendoakan supaya negara dapat keluar daripada pandemik COVID-19 dengan segera.

Kerajaan sebelum ini menyasarkan 80 peratus rakyat Malaysia akan menerima dos lengkap vaksin menjelang suku pertama tahun 2022, namun sasaran itu dipercepatkan ke Disember ini.

Bagaimanapun, berdasarkan prestasi PICK yang memberangsangkan serta pelaksanaan Operasi Lonjakan Kapasiti yang bermula 26 Julai lalu, sasaran negara mencapai imuniti kelompok dipercepatkan lagi kepada Oktober ini.

Sejak dilaksanakan pada 24 Februari lalu, PICK menggariskan dasar pemberian vaksin secara sukarela dan secara percuma kepada semua penduduk Malaysia, termasuk bukan warganegara.

Had umur penerima tiga jenis vaksin dalam portfolio PICK, iaitu Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca ketika itu ialah 18 tahun ke atas, namun kerajaan memberi jaminan ia akan diteliti dari semasa ke semasa.

Berdasarkan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi PICK, sebanyak 24,542,437 dos sudah diberikan setakat kelmarin. Jumlah itu membabitkan 15,772,101 dos pertama dan

8,770,336 dos kedua.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sebelum ini berkata, kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) boleh dipertimbangkan termasuk mengenai arahan pemakaian pelitup muka selepas negara mencapai imuniti kelompok.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob juga dilaporkan berkata, kadar kemajuan vaksinasi di Malaysia memberi gambaran bahawa negara berada di landasan tepat untuk mencapai imuniti kelompok dalam masa terdekat, sekali gus membolehkan rakyat kembali kepada kehidupan normal.

Sementara itu, jumlah penerima dos pertama vaksin COVID-19 bagi penduduk dewasa di Lembah Klang kini sudah mencapai lebih 100 peratus susulan Operasi Lonjakan Kapasiti.

Data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) setakat kelmarin menunjukkan, 101.1 peratus atau 6,229,542 penduduk dewasa di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Ia juga menunjukkan 51.5 peratus atau 3,172,360 penduduk dewasa di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sudah menerima dos lengkap vaksin, sekali gus Lembah Klang semakin meng-



Orang ramai menunggu giliran mendapatkan suntikan vaksin secara 'walk-in' di PPV KLCC, semalam.

(Foto Awwadi Alias/BH)

hampiri imuniti kelompok.

JKJAV memaklumkan, kadar pemberian vaksin melebihi 100 peratus di Lembah Klang kerana data jumlah populasi sedia ada belum mengambil kira perubahan saiz penduduk selepas bancian terakhir, selain vaksinasi kepada and penduduk tanpa dokumen.

Penasihat Khas (Sains) kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof Madya Dr Mohd

Ghows Mohd Azzam, berkata berikutan lonjakan ketara penerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin, ia diharap menunjukkan kesan dari segi penurunan kes harian COVID-19 di Lembah Klang bermula bulan depan.

"Secara rasminya, kita sudah melepasi anggaran jumlah penduduk dewasa di Lembah Klang dengan 101.1 peratus.

"Ini adalah hasil Operasi Lonjakan Kapasiti dan vaksinasi pe-

kerja asing, di samping pemberian vaksin secara terus atau walk-in.

"Diharapkan kesan positif daripada lonjakan jumlah penerima vaksin ini dapat dilihat bermula bulan depan," katanya menerusi Twitter, semalam.

Pada peringkat nasional, sejumlah 37.5 peratus atau 8.77 juta penduduk dewasa di Malaysia sudah menerima dos lengkap vaksin COVID-19, manakala 67.4 peratus atau 15.77 juta dalam kumpulan usia berkenaan menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba menerusi laman Twitter rasminya semalam juga memaklumkan, setakat kelmarin, Wilayah Persekutuan Labuan mendahului negeri atau wilayah lain bagi jumlah penduduk dewasa yang menerima dos lengkap vaksin, iaitu 85.3 peratus atau 58,421 individu.

Ia disusuli Sarawak dengan 74.4 peratus atau 1.52 juta individu, Negeri Sembilan (62 peratus/423,848 individu), Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (51.5 peratus/3.17 juta individu) serta Perlis (48.4 peratus/87,714 individu).

Sabah pula menjadi negeri paling rendah merekodkan penerima dos lengkap vaksin dalam kalangan populasi dewasa dan satu-satunya negeri mencatat bawah 20 peratus.